

# INTEGRASI PERUNDANGAN ZAKAT UNTUK KETAHANAN IKLIM DAN PEMBANGUNAN MAMPAN DI MALAYSIA

## *Integration of Zakat Legislation for Climate Resilience and Sustainable Development in Malaysia*

**Muhammad Ilhamuddin Arsad**

*PhD Candidate, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
iob180007@siswa.um.edu.my*

**Mohd Hafiz Jamaludin**

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
hafiz\_usul@um.edu.my*

**Siti Aisyah Samudin**

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
sitiaisyah.samudin@um.edu.my*

### ABSTRACT

*This research explores the integration of zakat into climate resilience strategies in Malaysia, aiming to address the dual challenges of environmental sustainability and socio-economic equity. Climate change poses significant threats to Malaysia such as water scarcity and extreme weather events which disproportionately affect vulnerable communities. This research finds that zakat, has significant untapped potential as a source of money for initiatives to mitigate and adapt to climate change. This research utilizes a library research approach to undertake*

*content and descriptive evaluations of pertinent literature, policy papers and case studies. The results show that zakat can be successfully diverted to environmentally friendly initiatives like sustainable agriculture and water infrastructure which will increase community resilience to the effects of climate change. However, obstacles such as varied legal frameworks, poor public awareness and the necessity for strategic alignment with national objectives impede its complete potential. This research suggests making clear rules for managing zakat, including it in national climate plans and running public education programs to help more people understand how important zakat is for protecting the environment. This holistic approach can transform zakat into a dynamic instrument for achieving climate resilience and a just transition in Malaysia thus promoting both environmental stewardship and social justice.*

**Keywords:** *zakat, climate resilience, just transition, sustainable development, environmental stewardship*

## **PENDAHULUAN**

Perubahan iklim adalah salah satu masalah terbesar yang dihadapi dunia pada abad ke-21. Ia mempunyai kesan yang besar terhadap proses alam sekitar dan kehidupan manusia. Hal ini kerana perubahan iklim menjejaskan kestabilan ekonomi, kesihatan awam dan keselamatan makanan. Jadi, usaha untuk mengurangkan kesannya secepat mungkin merupakan suatu hal yang penting. Di Malaysia, kesan perubahan iklim dilihat amat ketara memandangkan negara ini terdedah kepada peningkatan paras laut, kejadian cuaca ekstrem dan kehilangan biodiversiti (Haliza Abdul Rahman, 2018: 55–77). Menyedari ancaman ini, kerajaan Malaysia bersama pelbagai pihak berkepentingan, telah mencari strategi untuk meningkatkan daya tahan dan memastikan pembangunan mampan (Nazatul Nabila et.al, 2016: 188-200).

Prinsip “peralihan yang adil” telah menjadi salah satu cara paling penting untuk menangani kesan sosial perubahan iklim. Ia bermula daripada organisasi buruh dan telah berkembang merangkumi pelbagai masalah keadilan sosial yang lebih luas. Lebih-lebih lagi pada zaman kini apabila ia berkaitan dengan dasar alam sekitar. Prinsip “peralihan yang adil” cuba menjadikan ekonomi yang mampan, adil dan merangkumi semua orang. Di samping itu, prinsip ini juga ingin memastikan kumpulan yang terdedah tidak perlu melalui terlalu banyak masalah semasa perubahan alam sekitar dan ekonomi (Darren

McCauley et.al., 2018: 55-77). Hal ini bermakna Malaysia perlu membuat rancangan yang bukan sahaja menentang perubahan iklim tetapi juga pada masa yang sama meningkatkan keadilan sosial.

Zakat yang merupakan salah satu daripada rukun Islam adalah cara khas untuk membantu manusia dan ekonomi. Zakat sebagai satu amalan sedekah yang diwajibkan, mengambil wang daripada orang kaya dan memberikannya kepada orang yang memerlukannya. Zakat dilihat boleh menjadi satu cara untuk membiayai projek yang menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Dalam erti kata yang lebih luas, zakat dapat membantu masyarakat yang terjejas akibat perubahan iklim. Hal ini di mana zakat membantu dengan membayar penambahbaikan infrastruktur, membantu orang ramai mencari rezeki dan memberi bantuan langsung semasa bencana alam (Mohammed Obaidullah, 2018: 32-37).

Tujuan kajian literatur ini adalah untuk melihat bagaimana zakat boleh digunakan dalam rancangan Malaysia untuk menangani perubahan iklim. Kajian ini melihat pelbagai jenis kesusasteraan ilmiah, kertas dasar dan kajian kes untuk melihat sama ada zakat boleh digunakan sebagai alat untuk membantu mencapai peralihan yang adil. Kajian ini bertujuan untuk menjawab bagaimana zakat yang secara tradisinya digunakan untuk membasmi kemiskinan, boleh disalurkan dengan berkesan ke arah membina daya tahan iklim. Hal ini sekali gus menyumbang kepada proses peralihan yang adil dan mampan.

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan melihat sumber sekunder yang menerangkan bagaimana salah satu rukun Islam iaitu zakat dan strategi untuk menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dihubungkan. Kajian ini menggunakan kedua-dua analisis kandungan dan analisis deskriptif untuk mencari tema dan trend utama dalam literatur. Hal ini seterusnya mempamerkan kebaikan dan keburukan menggunakan zakat untuk membantu orang ramai menyesuaikan diri dengan perubahan iklim (Muhamad Aidi Ahmi Wahyudi et.al., 2022: 40-67).

Kajian ini penting kerana ia boleh membantu pengkaji mengetahui lebih lanjut tentang cara lain untuk membiaya projek pembentukan daya tahan dan penyesuaian diri dengan perubahan iklim. Kajian ini dilihat akan menambah wacana semasa di Malaysia tentang dasar alam sekitar yang adil dan mampan dengan meletakkan zakat dalam konteks perubahan iklim. Kajian ini memberikan pandangan baru tentang bagaimana ajaran dan amalan agama boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah dunia moden. Ia juga memberikan contoh yang boleh digunakan oleh negara lain yang mempunyai populasi Islam yang besar (Siti MaziahAb Rahman, 2023: 435-456).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan. Hal ini melibatkan aktiviti mengumpul dan menganalisis pelbagai data sekunder dan literatur semasa yang berkaitan bagaimana zakat boleh digunakan di Malaysia untuk menjadikan negara lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Kaedah ini juga akan melihat dengan teliti pada artikel ilmiah, buku, laporan kerajaan dan badan bukan kerajaan serta penulisan penting lain yang membicarakan tentang perubahan iklim, peralihan yang adil dan penggunaan zakat. Analisis kandungan dan analisis deskriptif digunakan untuk analisis data. Analisis kandungan membantu dalam pengenalpastian tema atau corak dalam data yang dikumpul dan meletakkannya ke dalam kategori yang sesuai. Analisis deskriptif pula membantu merumuskan penemuan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang situasi semasa dan idea untuk strategi yang berkesan. Pendekatan dwi-analitik ini memastikan penerokaan menyeluruh tentang kajian ini seterusnya menonjolkan sudut pandangan yang penting dan dapat mensintesis pelbagai perspektif tentang potensi peranan zakat dalam memupuk daya tahan iklim.

## **PERUBAHAN IKLIM DAN KETAHANAN IKLIM**

Konsep “daya tahan iklim” adalah penting untuk memahami bagaimana masyarakat boleh menyesuaikan diri dan pulih daripada kesan perubahan iklim. Di samping itu, konsep ini juga membantu masyarakat menjadikan diri mereka lebih bersedia untuk masa depan dan mengurangkan kerosakan kepada alam sekitar. Kaedah penyesuaian berdasarkan konsep ini membantu orang ramai menangani kesan perubahan iklim. Selain itu, ia juga memacu usaha mitigasi untuk menurunkan atau menghentikan pembebasan gas rumah hijau. Oleh itu, membina daya tahan iklim bukan sahaja tentang menjaga alam sekitar tetapi juga tentang memastikan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial (Kamarulazizi Ibrahim et.al., 2016: 1754-1768). Peningkatan kekerapan dan keterukan bencana berkaitan iklim di rantau ini juga menggariskan keperluan mendesak untuk melaksanakan rangka kerja daya tahan iklim yang teguh.

Satu komponen penting dalam daya tahan iklim ialah taktik penyesuaian yang memberi tumpuan kepada perubahan sistem ekologi, sosial atau ekonomi sebagai tindak balas kepada perubahan sebenar atau jangkaan dalam iklim. Di Malaysia, strategi ini sering disasarkan kepada sektor tertentu seperti sumber air, pertanian dan pengurusan pantai yang sangat terdedah kepada kesan perubahan iklim. Beberapa cara yang berkesan untuk menyesuaikan diri adalah dengan menanam tanaman yang boleh bertahan dalam keadaan kemarau

seterusnya menjadi pertahanan banjir lebih kuat. Selain itu, pelaksanaan kaedah penggunaan air yang efisien untuk menangani perubahan tren hujan dan suhu (Murad Muhammad et.al., 2024: 2-8).

Walau bagaimanapun, usaha untuk menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim banyak bergantung pada jumlah wang yang tersedia. Negara membangun termasuk Malaysia, sering menghadapi cabaran besar dalam perkara ini. Hal ini yang mana sumber domestik yang terhad dan akses yang tidak mencukupi kepada mekanisme kewangan iklim antarabangsa. Permasalahan sebegini menyukarkan Malaysia untuk melaksanakan pelan penyesuaian dan pencegahan sepenuhnya (Muhammad Mehedi Masud et.al., 2017: 698-706). Oleh itu, negara Malaysia perlu menghasilkan cara baharu untuk membiaya projek sebegini jika ia mahu menjadi lebih berdaya tahan iklim tanpa mengorbankan matlamat pertumbuhannya.

Zakat yang merupakan salah satu daripada rukun Islam mengarahkan umat Islam memberikan sebahagian daripada harta mereka kepada orang yang memerlukannya dilihat sebagai satu cara kreatif yang boleh dimanfaatkan. Hal ini yang mana zakat dimanfaatkan untuk membiaya projek yang menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Menerusi dana zakat yang disalurkan ke arah pembangunan dan pelaksanaan projek penyesuaian iklim seperti sistem pertahanan banjir berasaskan komuniti atau projek tenaga boleh diperbaharui, maka satu sumber pembiayaan yang besar dan mampan telah ditemui. Pendekatan sebegini bukan sahaja selaras dengan prinsip amal Islam itu sendiri tetapi juga menggerakkan sumber tempatan untuk menangani cabaran global (Ahmed Tahiri Jouti, 2019: 246-256).

Integrasi zakat dalam pembiayaan untuk perlindungan iklim boleh mengubah cara negara majoriti Islam seperti Malaysia bertindak balas terhadap perubahan iklim. Model sebegini mencadangkan peralihan daripada pergantungan tradisional pada pembiayaan kerajaan dan antarabangsa ke arah mekanisme pembiayaan yang lebih desentralisasi dan didorong oleh komuniti. Model sebegini bukan sahaja memudahkan proses mendapatkan wang untuk memerangi perubahan iklim, tetapi juga memastikan penyelesaiannya sesuai dengan budaya tempatan dan disokong oleh masyarakat setempat. Hal ini seterusnya meningkatkan kemungkinan pelaksanaan dan kemampuan yang berjaya (Nathalie Seddon, 2020: 2-9).

## **ZAKAT DAN TEORI EKONOMI**

Zakat yang merupakan salah satu daripada lima rukun Islam merupakan amalan yang diwajibkan dalam Islam dan ia merupakan amalan yang diperlukan

dalam masyarakat. Daripada segi ekonomi, zakat bukan sekadar kewajipan agama tetapi juga instrumen sosioekonomi. Hal ini di mana zakat digunakan untuk berkongsi kekayaan dan mengurangkan ketidaksamaan sosial dalam masyarakat. Daripada segi ekonomi, zakat dilihat selaras dengan prisma teori pengagihan semula. Hal ini yang mana teori ini menyatakan bahawa pengagihan semula kekayaan yang dilakukan dengan baik boleh mengurangkan kemiskinan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Perspektif ini sejajar dengan teori ekonomi moden mengenai pengagihan kekayaan dan jaringan keselamatan sosial. Hal ini seterusnya menunjukkan bahawa zakat boleh memenuhi tujuan yang sama seperti cukai dan perbelanjaan kebajikan dalam konteks bukan Islam (Saeed Awadh bin-Nashwan, 2021: 392-411).

Teori ekonomi yang menyokong utiliti zakat sering menggunakan prinsip daripada dua teori makroekonomi. Teori Keynes (*Keynesian economics*) menyokong peningkatan perbelanjaan kerajaan semasa kemelesetan untuk meningkatkan permintaan. Manakala teori sisi bekalan (*The supply-side theory*) menumpukan pada peningkatan pelaburan dan produktiviti sebagai laluan kepada pertumbuhan. Zakat dilihat menyumbang kepada dinamik ini dengan potensi meningkatkan penggunaan dalam kalangan golongan miskin yang lebih cenderung membelanjakan pendapatan mereka untuk keperluan seterusnya merangsang permintaan. Tambahan pula, zakat juga menyokong peningkatan produktiviti dengan menyediakan sumber yang boleh digunakan untuk pendidikan atau memulakan perniagaan kepada golongan miskin (Fahami Muhammad Anis, 2016: 229-258).

Dalam konteks Malaysia, kutipan dan pengagihan zakat telah diperbadankan. Ia diuruskan oleh pihak berkuasa agama negeri bagi memastikan dana diagihkan kepada lapan kategori penerima yang dinyatakan dalam syariat Islam. Kategori-kategori ini termasuk Fakir, Miskin, Amil Zakat, Muallaf, Al-Riqab, Al-Gharimin, Fisabilillah dan Ibnu Sabil. Pendekatan sistematik terhadap pengurusan zakat dilihat membantu memastikan dana digunakan secara berkesan. Hal ini seterusnya memastikan zakat disasarkan kepada bidang keperluan sosial dan ekonomi yang paling besar. Hal ini sekali gus merangkumi prinsip ekonomi kebajikan berkaitan bantuan yang disasarkan (Rania Adel Al-Bawwab, 2023: 86-96).

Namun begitu, zakat mempunyai kesan ekonomi yang melangkaui pemberian tunai dengan segera. Seperti yang dilakukan oleh cukai progresif dalam sistem sekular, zakat juga berfungsi sebagai penstabil kewangan dengan mewajibkan orang Islam yang lebih kaya untuk menyumbang peratusan daripada kekayaan mereka setiap tahun. Hal ini membantu mengurangkan tumpuan kekayaan dan meningkatkan kestabilan ekonomi umum. Oleh itu,

sifat pengagihan zakat boleh dilihat sebagai satu cara untuk mewujudkan lebih banyak keadilan sosial dan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat. Hal ini bertepatan dengan prinsip yang berakar umbi dalam teori ekonomi kesaksamaan dan keadilan (Fatima AlMatar, 2015: 119-129).

Akhir sekali, zakat juga memainkan peranan dalam ekonomi tingkah laku dengan mempengaruhi tingkah laku kewangan kedua-dua penderma dan penerima. Bagi penderma, tindakan pemberian zakat dapat mengukuhkan rasa tanggungjawab sosial dalam diri dan perpaduan. Kedua-dua perkara ini penting untuk kesepaduan sosial yang diperlukan dalam mana-mana sistem ekonomi yang berdaya tahan. Zakat juga memperkasakan penerima dari segi ekonomi tanpa konotasi negatif berkaitan sumbangan. Hal ini kerana kerana zakat dilihat sebagai hak yang sah dan bukannya sumbangan semata-mata. Oleh itu, aspek zakat ini sejajar dengan teori tentang kesan psikologi dasar ekonomi dan bagaimana ia mempengaruhi kebajikan sosial dan kesejahteraan individu (Saeed Awadh Bin-Nashwan, 2021: 392-411).

## INTEGRASI ANTARA TEORI

Rangka kerja lengkap yang boleh menyelesaikan isu-isu alam sekitar dan sosioekonomi secara serentak boleh direalisasikan dengan menyepadukan idea ekonomi yang menyokong zakat dengan teori-teori ketahanan iklim. Ideanya di sini adalah untuk mewujudkan sinergi di mana zakat bukan sahaja memenuhi peranan tradisionalnya dalam kebajikan sosial tetapi juga menyumbang kepada usaha mitigasi dan adaptasi perubahan iklim. Integrasi teori-teori ini adalah berasaskan tanggapan bahawa mekanisme kewangan boleh dan harus memainkan peranan penting dalam strategi pembangunan mampan (Siti Umairah et.al, 2016: 229-250). Pendekatan ini mencerminkan pengakuan yang semakin bercambah dalam kedua-dua bidang alam sekitar dan ekonomi. Hal ini kerana untuk usaha menangani perubahan iklim, ia memerlukan penyelesaian pembiayaan inovatif yang bersesuaian dengan budaya dan kontekstual (Siri Eriksen et.al, 2011: 7-20).

Pada perspektif ketahanan iklim, dana zakat boleh ditujukan kepada projek yang meningkatkan daya tahan masyarakat terhadap kesan iklim. Hal ini termasuk pelaburan dalam pertanian lestari, teknik pemuliharaan air atau projek tenaga boleh diperbaharui. Inisiatif ini dilihat dapat membantu mengurangkan kesan perubahan iklim dengan mengurangkan jejak karbon dan meningkatkan persekitaran tempatan. Tambahan lagi, ia selaras dengan prinsip penjagaan bumi (*khalifah*) dalam Islam yang merupakan komponen utama daripada asas teologi untuk zakat (Joshua Fisher et.al, 2017: 267-275).

Pada perspektif ekonomi, integrasi zakat ke dalam projek ketahanan iklim memerlukan pemikiran semula (*re-envisioning*) tentang bagaimana wang zakat diperuntukkan dan ditadbir. Zakat biasanya digunakan untuk menawarkan bantuan segera bagi keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal kepada mereka yang memerlukan. Jadi, apabila skop zakat ini diluaskan, maka ia akan melibatkan integrasi untuk pembiayaan projek jangka panjang dan mampan yang menangani perubahan iklim. Oleh itu, pentadbir zakat boleh menyumbang untuk membina daya tahan infrastruktur dan masyarakat sekali gus meluaskan impak zakat daripada bantuan segera kepada pembangunan mampan (Mustafa M. Hamed, 2020: 1-10).

Selain itu, memahami dinamik sosial zakat dalam masyarakat juga merupakan sebahagian daripada proses integrasi teori. Menurut teori modal sosial, rangkaian perhubungan mewakili satu bentuk kekayaan yang boleh memudahkan tindakan kolektif. Zakat mengeratkan ikatan sosial dalam masyarakat Islam dengan mengukuhkan perasaan tanggungjawab dan mengambil berat antara satu sama lain. Ikatan sosial yang diperkukuh ini adalah penting dalam menggerakkan inisiatif yang diterajui komuniti lebih-lebih lagi melibatkan daya tahan perubahan iklim. Hal ini sekali gus menggambarkan bagaimana zakat bukan sahaja bertindak sebagai modal ekonomi tetapi juga sebagai modal sosial (Tahir Ali et.al, 2021: 2-14).

Oleh itu, pemberian zakat yang menggabungkan konsep ekonomi tingkah laku berpotensi mempengaruhi tingkah laku persekitaran individu dan masyarakat. Menerusi rangka konsep bahawa sumbangan zakat sebagai usaha penjagaan alam sekitar maka orang ramai digalakkan untuk mempertimbangkan kesan tindakan mereka pada alam sekitar. Hal ini seterusnya boleh membawa kepada aktiviti pada peringkat individu dan masyarakat yang lebih mampan (Khadar Ahmed Dirie et.al, 2023: 1-23).

Akhir sekali, implikasi polisi untuk mengintegrasikan teori-teori ini juga adalah penting. Pembuat polisi boleh memanfaatkan amalan meluas yang telah dilaksanakan dan sokongan teologi zakat untuk memupuk penglibatan yang lebih mantap dengan inisiatif ketahanan iklim. Menerusi integrasi zakat ke dalam strategi iklim negara atau serantau, kerajaan boleh memanfaatkan rangkaian sokongan kewangan dan sosial sedia ada seterusnya meningkatkan keberkesanan dasar dan penerimaan orang ramai. Pendekatan bersepadu ini bukan sahaja meluaskan asas pembiayaan untuk inisiatif iklim tetapi juga memastikan bahawa inisiatif ini berasaskan nilai dan amalan tempatan yang memastikan kelestarian dan penerimaannya (Beatriz Mayor et.al, 2021: 1-19).



## SEJARAH ZAKAT DAN KETAHANAN IKLIM DI MALAYSIA

Sejak Malaysia merdeka pada tahun 1957, zakat telah memainkan fungsi yang sangat berbeza di Malaysia mengikut perubahan persekitaran sosioekonomi negara. Pada masa lalu, zakat adalah program yang ditadbir secara komunal. Hal ini yang mana zakat ditadbir oleh pihak berkuasa agama tempatan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan mendesak anggota masyarakat Islam yang miskin. Konsep amanah dan tanggungjawab bersama menjadi panduan membimbing kebanyakan kutipan dan pengagihan zakat yang tidak formal. Disebabkan oleh pelaksanaan ini, zakat secara langsung membantu penduduk setempat. Hal ini seterusnya mengeratkan hubungan sosial dan menawarkan jaringan keselamatan kepada ahli masyarakat yang tidak berdaya (Ahm Ershad Uddin et.al, 2023: 419-433).

Kemudian, menerusi pembentukan institusi Islam di Malaysia, pengurusan zakat menjadi lebih tersusun. Kerajaan Malaysia mula menginstitusikan zakat pada akhir abad ke-20. Hal ini dapat dilihat pada penubuhan Majlis Agama Islam peringkat negeri untuk menyelia kutipan dan pengagihan zakat. Peralihan ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan meluaskan skop zakat sebagai instrumen untuk kesejahteraan dan pembangunan negara. Menerusi pengurusan zakat yang berpusat, kerajaan berhasrat untuk meluaskan penggunaannya melangkaui pembasmian kemiskinan tradisional. Hal ini boleh dilihat pada wujudnya pembiayaan untuk projek pendidikan, penjagaan kesihatan dan infrastruktu. Hal ini sekali gus meluaskan kesan zakat ke atas pembangunan negara secara keseluruhan (Kinan Salim et.al, 2024: 1-19).

Walau bagaimanapun, pendekatan institusi ini bukanlah mudah tanpa cabaran walaupun ia telah menjadikan zakat lebih berstruktur dan lebih mudah untuk dimasukkan ke dalam rancangan ekonomi dan pembangunan yang lebih besar. Tetapi beberapa pengkritik berkata ia menjejaskan semangat bermasyarakat dan hubungan kemanusiaan yang merupakan sebahagian besar daripada elemen zakat tradisional. Namun begitu, pentadbiran zakat oleh institusi di Malaysia sering dianggap berjaya. Hal ini boleh dilihat pada peningkatan ketara dalam kutipan dan peruntukan yang cekap untuk inisiatif pembangunan. Perubahan ini mencerminkan evolusi berterusan dalam pemahaman dan aplikasi zakat seterusnya memaparkan penyesuaian amalan tradisional untuk memenuhi keperluan masyarakat kontemporari (Jennifer Bremer, 2013: 51-74).

## **AMALAN SEMASA ZAKAT DAN KETAHANAN IKLIM DI MALAYSIA**

Pada zaman kini, pengendalian zakat telah menjadi sangat kompleks sehingga menyepadukan amalan kewangan moden dengan nilai tradisional Islam. Setiap negeri di negara ini mempunyai Majlis Agama Islam sendiri yang menyelia pungutan dan pengagihan zakat seterusnya memastikan amalan ini selari dengan mandat agama dan keperluan penduduk setempat. Majlis-majlis ini menggunakan sistem perbankan moden dan medium pembayaran atas talian untuk memudahkan proses kutipan seterusnya menjadikannya lebih mudah dan telus. Kemudahan capaian ini telah membawa kepada peningkatan dalam kutipan zakat seterusnya meluaskan skop kesannya terhadap projek kebajikan masyarakat. Tambahan lagi, sistem-sistem ini juga membolehkan pengesanan dan pelaporan yang lebih baik seterusnya memastikan dana zakat digunakan dengan berkesan dan sampai kepada penerima yang disasarkan (Muharman Lubis, 2019: 1-16).

Di Malaysia, zakat diagihkan dengan berhati-hati untuk memastikan ia membantu lapan golongan asnaf seperti yang dinyatakan oleh perundangan Islam. Golongan ini terdiri daripada Fakir, Miskin, Amil Zakat, Muallaf, Al-Riqab, Al-Gharimin, Fisabilillah dan Ibnu Sabil. Majlis Agama Islam juga telah membangunkan pelbagai program yang disesuaikan dengan keperluan khusus kumpulan ini. Contohnya seperti bantuan kewangan langsung, pembiayaan untuk pendidikan, penjagaan kesihatan dan sokongan perniagaan kecil. Pendekatan yang disasarkan ini bukan sahaja membantu meringankan beban kewangan serta-merta tetapi juga memberi peluang kepada penerima untuk mencapai kestabilan jangka panjang (Lisa A. Gennetian et.al, 2015: 1-20).

Selain itu, wujud beberapa kerajaan negeri telah mula meneroka penggunaan inovatif dana zakat untuk menangani cabaran masyarakat yang lebih luas seperti pengangguran, pendidikan, dan kini yang dilihat semakin meningkat ialah daya tahan iklim. Sebagai contoh, wujud dana zakat telah digunakan untuk membiayai projek pertanian lestari yang menyediakan pekerjaan dan jaminan makanan kepada golongan miskin sambil menggalakkan amalan mesra alam. Inisiatif ini mencerminkan tafsiran progresif peranan zakat seterusnya memperluaskan impaknya melangkaui kebajikan tradisionalnya semata-mata dan merangkum penjagaan alam sekitar dan pembangunan ekonomi (Azim Kidwai et.al, 2020: 45-54).

## **CONTOH-CONTOH APLIKASI ZAKAT DALAM KETAHANAN IKLIM DAN PEMBANGUNAN MAMPAN**

Projek air bersih dan sanitasi yang merupakan sebahagian daripada “Inisiatif Zakat untuk Tindakan Kemanusiaan” Mercy Malaysia, menunjukkan aplikasi strategik Pembiayaan Sosial Islam (ISF) untuk menangani isu ketahanan iklim yang ketara (Mercy Malaysia, 2019: 1-8). Inisiatif sebegini memberi tumpuan kepada penduduk di kawasan kemarau yang mengalami kekurangan air akibat perubahan iklim. Usaha ini menggunakan sumbangan zakat untuk membina dan mengubah suai infrastruktur air yang penting seperti telaga dan sistem penulenan air. Hal ini seterusnya memastikan ketersediaan air bersih dan meningkatkan daya tahan masyarakat terhadap perubahan iklim. Strategi Mercy Malaysia melibatkan penggunaan ISF untuk pengumpulan dana yang cekap bagi mendapatkan pembiayaan yang mampan memastikan kesihatan awam terjaga dan kejayaan operasi tercapai. Inisiatif yang dibiayai zakat ini telah berjaya dalam membantu program kemanusiaan dan pembangunan sosio di samping mematuhi Syariat dan pada masa yang sama meningkatkan kesejahteraan masyarakat yang memerlukan.

Selain itu, penggunaan zakat untuk bantuan bencana menawarkan respon segera terhadap bencana berkaitan iklim seperti contoh banjir yang biasa berlaku setiap tahun di Malaysia akibat pemanasan global. Dana zakat digerakkan untuk menjadi bantuan kecemasan dan menyokong usaha pemulihan seterusnya membantu individu dan keluarga yang terjejas membina semula kehidupan mereka. Penggunaan zakat yang responsif ini menunjukkan fleksibiliti dan kapasitinya untuk memberikan sokongan kritikal ketika krisis berlaku. Hal ini sejajar dengan matlamat yang lebih luas bagi daya tahan iklim dengan membantu dalam proses pemulihan dan pembinaan semula. Hal ini sekaligus memastikan masyarakat dapat menahan kejutan alam sekitar pada masa hadapan dengan lebih baik (Habibah Abdul Wahid et.al, 2017: 1289-1304).

## **PERBINCANGAN**

Perbincangan tentang integrasi zakat dalam dasar ketahanan iklim di Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada konteks perundangan Syariah yang menjadi asas kepada pelaksanaan zakat di negara ini. Walaupun zakat merupakan instrumen kewangan Islam yang berpotensi besar dalam menyokong agenda pembangunan mampan dan adaptasi perubahan iklim, pelaksanaannya masih tertakluk kepada beberapa kekangan perundangan sedia ada.

## **1. Ketiadaan Peruntukan Khusus dalam Enakmen Zakat Negeri**

Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, pengurusan zakat adalah di bawah bidang kuasa negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai II, Senarai Negeri. Setiap negeri telah menggubal Enakmen Zakat masing-masing bagi mengawal selia kutipan, agihan dan pengurusan zakat. Namun begitu, hasil analisis kandungan terhadap beberapa enakmen negeri menunjukkan bahawa tiada satu pun secara eksplisit memperuntukkan penggunaan zakat untuk tujuan adaptasi perubahan iklim atau pemulihan bencana alam yang berkaitan dengan perubahan iklim. Fokus utama enakmen-enakmen tersebut adalah kepada agihan kepada asnaf secara konvensional seperti fakir, miskin, amil, muallaf dan sebagainya tanpa perluasan konteks terhadap cabaran moden seperti krisis iklim. (Arsad et al., 2024: 54-67).

Ketiadaan peruntukan tersebut menimbulkan persoalan sama ada institusi zakat berkeupayaan untuk menyokong dasar ketahanan iklim negara secara strategik. Hal ini memberi kesan langsung kepada kebolehan institusi zakat untuk bertindak secara proaktif dalam menyokong komuniti yang terkesan oleh bencana alam seperti banjir, kemarau atau gelombang haba yang semakin kerap berlaku akibat perubahan iklim. Tanpa asas perundangan yang membolehkan dana zakat disalurkan untuk tujuan ini, institusi zakat akan kekal terhad kepada fungsi tradisional yang bersifat reaktif dan tidak menyeluruh. Maka, reformasi ke atas kerangka perundangan sedia ada adalah penting untuk memastikan zakat dapat berfungsi sebagai instrumen pembangunan mampan dan bukan semata-mata instrumen kebajikan (Rozi et al., 2025: 89-111).

Selain itu, cabaran perundangan ini turut menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pentadbir zakat sendiri mengenai skop penggunaan zakat untuk tujuan yang tidak lazim. Walaupun terdapat ruang ijtihad seperti tafsiran luas terhadap asnaf *fi sabilillah*, namun tanpa garis panduan atau peruntukan yang jelas dalam enakmen negeri, amil zakat akan berasa ragu-ragu untuk meluluskan dana bagi projek berkaitan pemulihan alam sekitar atau pengurangan risiko bencana. Hal ini boleh menjejaskan keberkesanan dan ketelusan dalam tadbir urus zakat. Justeru, wujud keperluan mendesak untuk satu bentuk penyelarasan dasar di peringkat kebangsaan yang dapat membimbing negeri dalam memperkasa aspek perundangan zakat ke arah menyokong matlamat kelestarian (Arsad et al., 2024: 74-83).

## 2. Perlembagaan Persekutuan dan Bidang Kuasa Negeri

Di Malaysia, sistem perundangan menganugerahkan bidang kuasa berkaitan hal ehwal Islam, termasuk zakat, kepada kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 74(2) dan Jadual Kesembilan Senarai II, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna setiap negeri berhak menggubal, melaksanakan dan mentadbir perundangan yang berkaitan dengan zakat, wakaf, baitulmal dan hal ehwal agama Islam lain, melalui institusi agama negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri. Kuasa autonomi ini menjadikan pelaksanaan dasar dan peraturan zakat tidak seragam antara negeri, termasuk dalam konteks inovasi penggunaan zakat bagi tujuan baru seperti adaptasi perubahan iklim (Arsad et al., 2024: 74-83).

Namun begitu, bidang kuasa negeri yang eksklusif ini turut mewujudkan cabaran apabila timbul keperluan untuk merangka dasar nasional yang bersifat rentas negeri, contohnya dalam pengurusan bencana iklim yang lazimnya melibatkan lebih daripada satu wilayah pentadbiran. Kerajaan Persekutuan, melalui agensi seperti Jabatan Alam Sekitar atau Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, tidak mempunyai kuasa langsung untuk mengarahkan institusi zakat negeri agar mengagihkan dana untuk program pemulihan iklim melainkan mendapat kerjasama penuh dari Majlis Agama Negeri. Oleh itu, wujud keperluan untuk pendekatan harmoni antara kedua-dua peringkat kerajaan melalui mekanisme dasar, garis panduan atau model kerjasama yang selari dengan Perlembagaan (Razak et al., 2021: 11-35).

Tambahan pula, kedudukan zakat sebagai satu bentuk kewajipan agama memerlukan pengawalseliaan yang mematuhi prinsip Syariah serta keperluan undang-undang sivil. Dalam konteks perubahan iklim yang semakin mendesak, terdapat keperluan untuk mentafsir semula skop dan matlamat zakat dengan mengambil kira realiti semasa yang melibatkan perlindungan nyawa, kesejahteraan komuniti dan kelestarian sumber alam. Pentafsiran dan pengembangan ini hanya boleh berlaku secara berkesan jika ia didukung oleh satu kerangka perundangan yang jelas dan inklusif, berpandukan kuasa negeri yang diberikan oleh Perlembagaan serta sokongan teknikal dan strategik dari kerajaan Persekutuan (Arsad et al., 2024: 74-83).

## 3. Maqasid Syariah sebagai Asas Pengembangan Hukum

Prinsip Maqasid Syariah menjadi asas utama dalam memahami dan memperluas aplikasi hukum Islam terhadap isu-isu kontemporari, termasuk perubahan iklim dan pembangunan mampan. Maqasid Syariah menekankan

pemeliharaan lima objektif utama iaitu agama (*hifz al-dīn*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-‘aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-māl*). Dalam konteks semasa, ulama dan sarjana kontemporari turut memperluaskan skop maqasid dengan memasukkan penjagaan alam sekitar (*hifz al-bi’ah*) sebagai sebahagian daripada pemeliharaan kehidupan dan keseimbangan ekosistem. Oleh itu, penggunaan zakat bagi tujuan adaptasi perubahan iklim dapat dianggap selari dengan prinsip maqasid kerana ia bertujuan melindungi nyawa manusia, menjamin kesejahteraan sosial dan mengekalkan kelestarian bumi ciptaan Allah (Auda, 2008: 1-53).

Selain itu, pendekatan Maqasid Syariah memberikan ruang kepada ijtihad dan inovasi hukum dalam menyesuaikan perintah agama dengan keperluan zaman tanpa menjejaskan prinsip asal Syariah. Dalam isu zakat dan perubahan iklim, pendekatan maqasid membolehkan ulama dan penggubal dasar mempertimbangkan manfaat umum (*maslahah ‘ammah*) dalam memperluas tafsiran terhadap asnaf seperti *fi sabilillah* untuk merangkumi program perlindungan alam sekitar dan bantuan kemanusiaan akibat bencana iklim. Prinsip ini menunjukkan bahawa hukum Islam bersifat dinamik dan adaptif, selaras dengan tuntutan realiti semasa. Oleh itu, maqasid boleh menjadi asas syarie yang kuat dalam mengabsahkan penggunaan dana zakat bagi inisiatif kelestarian alam sekitar (Arsad et al., 2024: 54-67).

Selanjutnya, pengaplikasian Maqasid Syariah dalam dasar awam dan perundangan Islam perlu diterjemahkan dalam bentuk dasar pentadbiran yang jelas agar prinsip tersebut tidak kekal hanya pada tahap teori. Institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri wajar menilai semula garis panduan agihan zakat dengan menjadikannya selaras dengan objektif maqasid, iaitu memastikan kesejahteraan manusia dan kelestarian alam sebagai tanggungjawab khalifah di muka bumi. Langkah ini boleh diperkuatkan dengan pendekatan *istihsān* dan *maslahah mursalah* bagi membolehkan pembaharuan hukum terhadap isu-isu baharu yang tidak diperincikan secara langsung dalam nas. Menerusi usaha menjadikan maqasid sebagai tunjang dasar, pentadbiran zakat akan lebih bersifat holistik, fleksibel dan relevan terhadap cabaran global seperti perubahan iklim (Arsad, 2024: 1-16).

#### **4. Maqasid Syariah sebagai Asas Pengembangan Hukum**

Reformasi terhadap perundangan Syariah berkaitan zakat amat diperlukan bagi memastikan dana zakat dapat dimanfaatkan secara lebih strategik dalam menangani cabaran kontemporari seperti perubahan iklim. Antara cadangan utama ialah penggubalan Garis Panduan Kebangsaan bagi Penggunaan Zakat dalam Adaptasi Perubahan Iklim yang boleh dijadikan rujukan bersama oleh

semua Majlis Agama Islam Negeri. Garis panduan ini boleh menyenaraikan senario iklim yang layak mendapat bantuan zakat seperti pemulihan pasca bencana, pengurangan risiko bencana dan sokongan terhadap kelompok rentan akibat perubahan iklim. Penyediaan dasar ini perlu melibatkan agensi perubahan iklim, ulama, pakar Syariah dan perancang dasar bagi memastikan keseimbangan antara prinsip Syariah dan keperluan ekologi moden (Arsad et al., 2024: 54-67).

Selain itu, tafsiran perundangan sedia ada terhadap asnaf *fi sabilillah* perlu diperluas melalui pendekatan ijtihad kolektif (*ijtihad jama'i*) oleh institusi fatwa negeri dan kebangsaan. Tafsiran ini boleh mencakupi usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar sebagai satu jihad kontemporari yang menyumbang kepada perlindungan nyawa, tanah, sumber air dan ekosistem yang menjadi asas kehidupan umat Islam. Melalui pendekatan ini, dana zakat dapat digunakan secara sah dan strategik untuk menyokong program pembangunan mampan seperti tenaga boleh baharu, kelestarian pertanian dan pengurusan bencana. Proses ijtihad ini juga dapat merapatkan jurang antara teks perundangan yang statik dan realiti masyarakat yang dinamik (Alias & Mohammad Azam, 2017: 9-20).

Cadangan reformasi juga harus menyentuh aspek tadbir urus dan kebertanggungjawaban (*accountability*) agar penggunaan zakat untuk tujuan iklim dapat dipantau secara sistematik dan telus. Ini termasuk cadangan pembentukan unit khas perubahan iklim dalam institusi zakat yang diberi mandat untuk merancang, melaksanakan dan melapor penggunaan zakat berkaitan alam sekitar. Tambahan pula, mekanisme pelaporan antara negeri dan Pusat seperti melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) boleh diperkukuh agar data dan impak penggunaan zakat untuk iklim dapat dinilai secara menyeluruh. Reformasi ini akan memastikan institusi zakat bukan sahaja patuh Syariah, tetapi juga responsif terhadap isu global dan tanggungjawab khalifah dalam menjaga bumi (Ab Kadir et al., 2023: 1-17).

## CABARAN DAN PELUANG

Walaupun zakat mempunyai potensi besar sebagai langkah ketahanan iklim, wujud beberapa isu perlu diselesaikan untuk mengoptimumkan keberkesannya. Salah satu isu utama ialah kepelbagaian dalam mekanisme kutipan dan pengagihan merentas wilayah berbeza yang boleh menjejaskan kecekapan dan ketelusan keseluruhan dana zakat. Perbezaan ini sering kali berpunca daripada tafsiran yang berbeza terhadap perundangan Islam tentang siapa yang layak menerima wang tersebut dan apakah penggunaannya yang

sepatutnya. Ketidakseragaman ini boleh menyebabkan ketidakcekapan dan mengurangkan pengaruh pembayar zakat untuk menyumbang kepada projek ketahanan iklim. Rangka kerja kawal selia yang lebih seragam diperlukan untuk mengatasi halangan tersebut seterusnya menjamin keseragaman dan keberanggungjawaban dalam pentadbiran zakat di seluruh Malaysia (Sherin Kunhibava et.al, 2024: 69-87).

Halangan lain ialah tahap pengetahuan yang rendah dalam kalangan pembayar zakat mengenai penggunaan zakat untuk pemeliharaan alam sekitar. Zakat telah lama dilihat oleh ramai pembayar zakat sebagai satu cara untuk mengurangkan kemiskinan segera. Jadi, wujud kemungkinan bahawa mereka tidak menyedari bahawa zakat juga boleh digunakan untuk membiayai inisiatif ketahanan iklim jangka panjang. Pandangan sebegini mengecilkan penggunaan wang zakat dan kebolehgunaannya kepada inisiatif alam sekitar atau pembangunan yang lebih meluas. Oleh itu, pentakrifan semula pendapat umum tentang zakat dan paparan implikasinya yang lebih luas terhadap kebajikan sosial merangkumi penjagaan alam sekitar memerlukan usaha pendidikan dan kempen kesedaran awam. Jadi, zakat boleh diarahkan dengan lebih berjaya ke dalam inisiatif yang lebih meluas. Hal ini di mana zakat bukan sahaja menawarkan bantuan cepat tetapi juga menyokong pembangunan mampan dan penyesuaian iklim dengan meningkatkan kesedaran pembayar zakat (Altea et.al, 2020: 113–133).

Selain itu, satu kerumitan yang boleh timbul ialah apabila projek yang dibiayai zakat ingin diintegrasikan dengan strategi ketahanan iklim nasional. Integrasi ini memerlukan penyusunan strategi dan penyelarasan yang teliti antara pentadbir zakat dan entiti kerajaan yang bertanggungjawab terhadap dasar iklim. Kemudian, wujud cabaran budaya dan logistik dalam memastikan inisiatif zakat diselaraskan dengan cadangan saintifik dan keutamaan strategik untuk penyesuaian perubahan iklim. Untuk menangani isu ini, perkongsian antara institusi agama, badan kerajaan, NGO dan sektor swasta adalah penting. Kerjasama sebegini boleh memudahkan hubungan antara zakat dan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan daya tahan iklim. Kerjasama sedemikian boleh membantu merapatkan jurang antara zakat dan usaha ketahanan iklim kerajaan. Hal ini seterusnya memastikan zakat dimanfaatkan secara optimum apabila melibatkan matlamat alam sekitar nasional dan global (Evren Tok et.al, 2022: 1-23).



## IMPLIKASI DASAR DAN CADANGAN

Integrasi zakat ke dalam strategi ketahanan iklim memerlukan pengubahsuaian perundangan yang besar untuk mengeksploitasi potensinya dengan betul. Satu implikasi dasar yang utama ialah keperluan untuk satu rangka kerja pengawalseliaan bersepadu yang menyeragamkan kutipan dan pengagihan zakat di seluruh Malaysia. Pelaksanaan struktur sebegini akan menjamin pengurusan wang zakat yang telus dan berkesan. Rangka kerja sedemikian akan memastikan dana zakat diuruskan secara telus dan cekap seterusnya membolehkan aplikasi yang konsisten ke arah inisiatif ketahanan iklim. Pembuat dasar harus mempertimbangkan pelaksanaan perundangan di seluruh negara yang mematuhi prinsip Syariah di samping menangani isu alam sekitar masa kini. Penyeragaman ini boleh membantu mengurangkan percanggahan yang dilihat berlaku pada masa ini dalam pentadbiran zakat seterusnya meningkatkan kesan keseluruhan zakat terhadap pembangunan mampan (Yasir Aziz et.al, 2020: 235-247).

Tambahan pula, dasar harus menggalakkan integrasi dana zakat ke dalam penyesuaian iklim negara dan strategi mitigasi. Hal sebegini boleh melibatkan usaha mewujudkan program khusus yang dibiayai zakat bertujuan untuk pemuliharaan alam sekitar, projek tenaga boleh diperbaharui dan pengurangan risiko bencana. Penggubal dasar perlu menjalin kerjasama antara institusi zakat dan badan kerajaan yang bertanggungjawab dalam perancangan alam sekitar. Menerusi integrasi zakat ke dalam rangka kerja ketahanan iklim, dana zakat boleh diarahkan secara strategik kepada segmen yang paling memerlukan sekali gus meningkatkan keberkesannya. Sebagai tambahan, insentif seperti pelepasan cukai untuk syarikat dan individu yang membayar zakat ke arah projek alam sekitar boleh dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan dan pembiayaan (Mohammed Obaidullah, 2021: 349-364).

Akhirnya, kesedaran awam dan inisiatif pendidikan adalah penting untuk mengubah persepsi tentang peranan zakat dalam ketahanan iklim. Penggubal dasar dan pemimpin agama harus bekerjasama untuk mendidik orang ramai tentang aplikasi zakat yang lebih meluas melangkaui pembasmian kemiskinan segera. Usaha sebegini boleh meluaskan penggunaan zakat dengan menekankan kajian kes yang berjaya dan memberikan idea yang tepat tentang cara sumbangan zakat boleh membantu projek alam sekitar. Program pendidikan sebegini harus dimasukkan ke dalam kuliah agama dan usaha mendekati masyarakat untuk memupuk budaya penjagaan alam sekitar dalam masyarakat Islam. Kaedah ini bukan sahaja meningkatkan rizab kewangan untuk inisiatif ketahanan iklim, tetapi juga memastikan potensi zakat sebagai

wahana pembangunan mampan digunakan dengan optimum (Habib Ahmed et.al, 2015: 1-44).

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, integrasi zakat ke dalam pelan ketahanan iklim di Malaysia menawarkan peluang yang berbeza dan pada masa yang sama berpotensi untuk menangani kebimbangan alam sekitar dan sosio-ekonomi. Menerusi prinsip zakat yang melibatkan pengagihan semula kekayaan dan keadilan sosial, wujudnya potensi untuk pembiayaan projek pembangunan mampan, peningkatan daya tahan masyarakat dan memupuk budaya penjagaan alam sekitar. Namun begitu, kejayaan pelaksanaan integrasi ini memerlukan penubuhan rangka kerja dasar yang komprehensif, peningkatan kesedaran awam dan kerjasama strategik dalam kalangan institusi agama, kerajaan dan masyarakat. Jika halangan-halangan ini dapat diatasi, maka Malaysia berpotensi untuk mengeluarkan sepenuhnya keupayaan zakat. Hal ini seterusnya mengubah zakat daripada mekanisme amalan agama yang konvensional kepada instrumen yang berkuasa untuk mencapai daya tahan iklim dan peralihan yang adil di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Ab Kadir Abidah, Khotib, Nor Aina Mhd Khotib & Syarifah Md Yusof (2023). Konsep Kepercayaan Dan Pengurusan Zakat. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, vol. 6, no. 21, 1-17.
- Ahm Ershad Uddin & Hüseyin Okur. Empowering Communities: Redefining Zakat Distribution in Bangladesh Post-Covid-19. *Kocatepe İslami İlimler Dergisi*, vol. 6, no. 2, 419-438.
- Ahmed Tahiri Jouti. (2019). An integrated approach for building sustainable Islamic social finance ecosystems. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 246-256.
- Altea Pericoli. (2020). Islamic finance and charity in the Muslim world. The role of the Islamic Development Bank in financing aid. *Journal of Economics and Business Aseanomics*, 5(2), 113-133.
- Arsad Muhammad Ilhamuddin & Mohd Hafiz Jamaludin. (2024). Balancing Faith and Gaming: Exploring Zakat, In-Game Purchases and Ethical Considerations. *Journal of Law and Governance*, 6(1), 31-39.
- Arsad Muhammad Ilhamuddin & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2020). *Pelanggaran Etika Peguam Syarie: Kajian Di Negeri Selangor*: Syarie

- Lawyers' Ethical Violations: A Study in State of Selangor. *Journal of Shariah Law Research*, 5(1), 55-74.
- Arsad Muhammad Ilhamuddin & Muhammad Hamizan Abd Aziz. (2023). Navigating Heresy and Maqasid Al-Shariah: A Comprehensive Study of Responses to Si Hulk's Teachings in Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 6(1), 29-40.
- Arsad Muhammad Ilhamuddin, Hafiz Jamaludin & Siti Aisyah Samudin. (2024). Pendekatan Syariah dalam Menggalakkan Amalan Hijau melalui Dana Zakat: Satu Kajian Awal: Shariah Approach in Promoting Green Practices through Zakat Fund: A Preliminary Study. *Al-Basirah Journal*, 14(2), 54-67.
- Arsad Muhammad Ilhamuddin, Hafiz Jamaludin & Siti Aisyah Samudin. (2024). Pentadbiran Zakat Pasca Kes Nik Elin: Implikasi Perundangan Terhadap Keberkesanan Sistem Zakat Malaysia. *Asian Journal of Law and Governance*, 6(4), 74-83.
- Arsad Muhammad Ilhamuddin, Hafiz Jamaludin & Siti Aisyah Samudin. (2024). Zakat As a Tool for Social Justice: An Analytical Study of Usul Fiqh Principles and Their Application in Islamic Criminal Law: Zakat Sebagai Instrumen Keadilan Sosial: Analisis Pada Prinsip Istihsan Dan Aplikasinya Dalam Undang-Undang Jenayah Islam. *al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies*, 33(6), 169-181.
- Arsad Muhammad Ilhamuddin, Muhammad Zaki Zaini, Nur Amalia Nadirah Md Hashim, Marina Abdul Manap & Nur Rabiatuladawiah Abdul Rahman. (2025). Digital Zakat Fitrah Payment: Fatwa Legitimacy, Institutional Challenges and Societal Adaptation in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 16-30.
- Arsad, Muhammad Ilhamuddin. (2024). Mentafsir Kekayaan Bumi: Analisis Perundangan Islam Terhadap Pengekstrakan Minyak Dan Etika Alam Sekitar. *Journal of Law and Governance*, 6(1), 1-16.
- Auda, Jasser. (2008). *Maqasid al-Shariah: An introductory guide*. Herndon: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Azhar, Alias & Mohammad Azam Hussain. (2017). Pembangunan penyelidikan fatwa kontemporari dalam menghadapi cabaran globalisasi: satu pendekatan. *Journal of Islamic*, 2(3), 9-20.
- Azim Kidwai & Mohamed El Mehdi Zidani. (2020). A new approach to zakat management for unprecedented times. *International Journal of Zakat*, 5(1), 45-54.
- Beatriz Mayor, Helen Toxopeus, Siobhan McQuaid, Edoardo Croci, Benedetta

- Lucchitta, Suhana E. Reddy, Aitziber Egusquiza, Monica A. Altamirano, Tamara Trumbic, Andreas Tuerk, Gemma García, Efrén Feliu, Cosima Malandrino, Joanne Schante, Anne Jensen & Elena López Gunn. (2021). State of the art and latest advances in exploring business models for nature-based solutions. *Sustainability*, 13(13), 1-19.
- Darren McCauley & Raphael Heffron. (2018). Just transition: Integrating climate, energy and environmental justice. *Energy policy*, 119, 1-7.
- Evren Tok, Abdurahman J. Yesuf & Abdulfatah Mohamed. (2022). Sustainable Development Goals and Islamic Social Finance: From Policy Divide to Policy Coherence and Convergence. *Sustainability* 2022, 14, 1-23.
- Fahami Muhammad Anis & Salina H. Kassim. (2016). Effectiveness of zakat-based programs on poverty alleviation and economic empowerment of poor women: a case study of Bangladesh. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 1(2), 229-258.
- Fatima AlMatar. (2015). Zakat vs taxation: the issue of social justice and redistribution of wealth. *European Journal of Business, Economics and Accountancy*, 3(3), 119-129.
- Habib Ahmed, Mahmoud Mohieldin & Jos Verbeek Farida Aboulmagd. (2015). On the sustainable development goals and the role of Islamic finance. *World Bank Policy Research Working Paper*, 1-44.
- Habibah Abdul Wahid, Mohd Anuar Ramli, Muhd Imran Abd Razak & Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli. (2017). Determination of Zakat recipient to flood victims. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(12), 1289-1304.
- Haliza Abdul Rahman. (2018). Climate change scenarios in Malaysia: Engaging the public. *International Journal of Malay-Nusantara Studies*, 1(2), 55-77.
- Jennifer Bremer. (2013). Zakat and economic justice: Emerging international models and their relevance for Egypt. In *Third Annual Conference on Arab Philanthropy and Civic Engagement*, 51, 51-74).
- Joshua Fisher & Kristen Rucki. (2017). Re-conceptualizing the science of sustainability: A dynamical systems approach to understanding the nexus of conflict, development and the environment. *Sustainable Development*, 25(4), 267-275.
- Kamarulazizi Ibrahim, Ahmad Shabudin Ahmad Firdaus, Kanayathu Chacko Koshy & Ghassem R. Asrar. (2016). A new framework for integrated climate finance and inclusive responses to sustainable development in Malaysia. *Geomatics, Natural Hazards and Risk*, 7(6), 1754-1768.

- Khadar Ahmed Dirie, Md. Mahmudul Alam & Selamah Maamor (2023). Islamic social finance for achieving sustainable development goals: a systematic literature review and future research agenda. *International Journal of Ethics and Systems*, 1-23.
- Kinan Salim, Baharom Abdul Hamid, Ziyaad Mahomed & Wiaam Hassan (2024). Zakat-based urban farming: A tool for poverty alleviation, community empowerment, financial inclusion, and food security. *Review of Islamic Social Finance and Entrepreneurship*, 1-19.
- Lisa A. Gennetian & Eldar Shafir. (2015). The persistence of poverty in the context of financial instability: A behavioral perspective. *Journal of Policy Analysis and Management*, 34(4), 1-20.
- Mercy Malaysia. (2019). MM Zakat Dossier\_v1. [https://www.mercy.org.my/wp-content/uploads/2019/05/MM-Zakat-Dossier\\_v1.pdf](https://www.mercy.org.my/wp-content/uploads/2019/05/MM-Zakat-Dossier_v1.pdf)
- Mohammed Obaidullah. (2016). Revisiting estimation methods of business zakat and related tax incentives. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 7(4), 349-364.
- Mohammed Obaidullah. (2018). Managing climate change: The role of Islamic finance. *IES journal Article*, 26(1), 32-37.
- Muhamad Aidi Ahmi Wahyudi & Sri Herianingrum. (2022). Examining trends, themes and social structure of zakat literature: a bibliometric analysis. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(1), 40-67.
- Muhammad Mehedi Masud, Mohammad Nurul Azam, Muhammad Mohiuddin, Hasanul Banna, Rulia Akhtar, A.S.A. Ferdous Alam & Halima Begum. (2017) Adaptation barriers and strategies towards climate change: Challenges in the agricultural sector, *Journal of Cleaner Production*, 156, 698-706.
- Muharman Lubis. (2019). Zakat Management System: Designing Effective Approach Through Knowledge Management System. *International Journal of Web Applications*, 11(1), 1-16.
- Murad Muhammad, Abdul Waheed, Abdul Wahab, Muhammad Majeed, Muhammad Nazima, Yong-Hong Liu, Li Li, Wen-Jun Li. (2024). Soil salinity and drought tolerance: An evaluation of plant growth, productivity, microbial diversity, and amelioration strategies. *Science Direct*, 19, 2-8.
- Mustafa M. Hamed. (2020). The role of Islamic social finance in mitigating humanitarian crises. *European Journal of Islamic Finance*, (16).

- Nathalie Seddon, Alexandre Chausson, Pam Berry, Cécile A. J. Girardin, Alison Smith & Beth Turner. (2020). Understanding the value and limits of nature-based solutions to climate change and other global challenges. *Philosophical Transactions of the Royal Society B*, 375(1794), 2-9.
- Nazatul Nabila Mohd Jalil & Zalina Zakaria. (2016). Keselamatan produk farmaseutikal dalam perundangan Malaysia dan Syariah: Satu sorotan literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(2), 188-200.
- Rania Adel Al-Bawwab. (2023). Zakat: changing the framework of giving. *Islamic Economic Studies*, 30(2), 86-103.
- Razak Ateerah Abdul, Nur Azuki Yusuff & Mohd Zain Mubarak. (2023). *Pemikiran Keamanan Dan Kesejahteraan Insan (Penerbit UMK). UMK PRESS.*
- Rozi Yusof Hilmi Bin Bakru, Novaadila Erizal & Hasanah Abd Khafidz. (2025). Prinsip Tadbir Urus Institusi Zakat Dan Baitulmal Menurut Al-Mawardi Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Al-Hikmah*, 17(1), 89-111.
- Saeed Awadh Bin-Nashwan, Hijattullah Abdul-Jabbar, Saliza Abdul Aziz & Adel Sarea. (2021). Zakah compliance in Muslim countries: an economic and socio-psychological perspective. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 19(3), 392-411.
- Sherin Kunhibava, Aishath Muneeza, Maryam Binti Khalid, Zakariya Mustapha, Thong Ming Sen. (2024). Lessons Learned from the Zakat and Waqaf Frameworks in Indonesia and Singapore for Application in Malaysia. In: *Islamic Social Finance*. Springer, Singapore. [https://doi.org/10.1007/978-981-97-1410-0\\_4](https://doi.org/10.1007/978-981-97-1410-0_4)
- Siri Eriksen, Paulina Aldunce, Chandra Sekhar Bahinipati, Rafael D'almeida Martins, John Isaac Molefe, Charles Nhemachena, Karen O'brien, Felix Olorunfemi, Jacob Park, Linda Sygna & Kirsten Ulsrud. (2011). When not every response to climate change is a good one: Identifying principles for sustainable adaptation. *Climate and development*, 3(1), 7-20.
- Siti Maziah Ab Rahman, Khalid Bin Abdul Wahid & Mohd Nazri Mat Zin. (2023) The Review of Literature on Corporate Zakat Payment: An Application of Scientometric Analysis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 8 (47), 435 – 456.
- Siti Umairah Ali Hamdan & Siti Mashitoh Mahamood (2016). Aplikasi Prinsip Berkekalan Wakaf di Institusi Pengajian Tinggi Terpilih: Perspektif Perundangan. *Journal of Shariah Law Research*, 1(2), 229-250.

- Tahir Ali, Douglas Paton, Petra T. Buergelt, James A. Smith, Noor Jehan & Abubaker Siddique. (2021). Integrating Indigenous perspectives and community-based disaster risk reduction: A pathway for sustainable Indigenous development in Northern Pakistan. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 59, 2-14.
- Yasir Aziz, Fadillah Mansor, Shujaa Waqar & Luqman Haji Abdullah. (2020). The nexus between zakat and poverty reduction, is the effective utilization of zakat necessary for achieving SDGs: A multidimensional poverty index approach. *Asian Social Work and Policy Review*, 14(3), 235-247.

